

19 JUN 1998

TINDAKAN TERHADAP ERIC CHIA JIKA ADA BUKTI, KATA PM

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata tindakan akan diambil terhadap bekas Pengerusi Eksekutif Perwaja Tan Sri Eric Chia jika terdapat bukti terhadapnya berhubung kes kerugian syarikat besi itu.

"Saya yakin kalau ada bukti, tindakan akan diambil," kata beliau kepada pemberita ketika diminta mengulas desakan yang dibuat semasa perbahasan pada Perhimpunan Pergerakan Pemuda UMNO semalam supaya Chia dibawa ke muka pengadilan berhubung kes itu.

Bercakap pada sidang berita di sini, Dr Mahathir berkata kerajaan akan mematuhi undang-undang dalam perkara itu.

"Kita memerlukan bukti yang cukup, kita bukan sebuah negara yang mengambil tindakan berasaskan kepada prasangka dan tanpa bukti.

"Kita telah buktikan walaupun orang itu kroni kita, kita ambil tindakan. Sepanjang sejarah UMNO, apabila seorang menteri didapati bersalah, dia diambil tindakan. Beberapa orang Menteri Besar sudah dikenakan tindakan," kata beliau.

Ditanya mengenai perkembangan siasatan terhadap Chia, beliau berkata: "Mereka tidak buat laporan kepada saya."

--BERNAMA

ES WAT